



SYARIKAT PENGELUAR AIR SUNGAI SELANGOR SDN BHD
09374016

KATA-KATA ALUAN KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR

Pertama sekali, tahniah saya ucapkan kepada Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH) kerana menganjurkan Kempen Pendidikan Kanak-Kanak SPLASH 2001 yang berdasarkan tujuan murni iaitu untuk meningkatkan kecemerlangan dalam pelbagai aspek di kalangan generasi muda. Adalah amat penting bagi kita untuk menanamkan disiplin serta sifat cekal di kalangan golongan muda untuk mencapai yang terbaik dalam apa yang dicita.

Saya berasa begitu gembira kerana topik 'alam sekitar' telah dijadikan fokus di dalam kempen ini. Topik 'alam sekitar' ini merupakan satu topik yang begitu luas dan meliputi pelbagai aspek yang mencabar. Banyak aktiviti menarik yang selaras dengan topik ini boleh dianjurkan bagi menarik minat anak-anak muda kita.

Kita juga harus memberi ruang kepada anak-anak muda untuk berfikir secara kreatif dan mendalami kebolehan serta bakat mereka agar mereka dapat melalui satu proses pembelajaran yang berkesan. Program-program sebegini akan memberikan mereka peluang untuk memahami pelbagai isu berkaitan alam sekitar seterusnya mereka berupaya memainkan peranan tersendiri dalam melindungi serta memulihara alam sekitar.

Kita juga haruslah menjadi contoh utama kepada generasi muda dengan mengamalkan sikap yang baik dalam memelihara serta konservasi alam sekitar. Adalah tanggungjawab kita untuk memupuk generasi baru yang menampilkan rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dalam melindungi alam semulajadi demi menjamin kesejahteraan masa hadapan.

Jabatan Alam Sekitar juga telah banyak menganjurkan serta melibatkan diri di dalam program-program pendidikan yang meliputi golongan pelajar di seluruh Malaysia. Saya turut berbesar hati di atas usaha SPLASH dengan pihak kami untuk memasukkan program 'Wira Alam' di dalam Kempen Pendidikan Kanak-Kanak SPLASH 2001 yang dijalankan khas buat para pelajar Hulu Selangor dan Kuala Selangor.

Tajuk bahas pada kali ini merupakan tajuk yang begitu mencabar dan semoga pihak pencadang serta pihak pembangkang berupaya membentangkan hujah yang terbaik. Saya turut berharap perbahasan ini berupaya memberikan pemahaman yang lebih mendalam bagi para peserta, penyokong serta pihak sekolah ke atas topik 'alam sekitar'.

Akhir kata, syabas kepada SPLASH di atas segala usaha yang dijalankan. Semoga Kempen Pendidikan Kanak-Kanak SPLASH berjaya mencapai matlamatnya.

Sekian dan Wassalam

Hajah Rosnani Ibarahim

KATA -KATA ALUAN
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA


Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izinnya kita dapat menganjurkan Majlis Pelancaran Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) dan dilaksanakan serentak dengan Program Penggalakan Sains Dan Teknologi (PPST) Peringkat Negeri Kedah Darul Aman tahun 2001. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa MASM dan PPST yang berusaha dengan gigih, mengembeling tenaga dan minda bagi menjayakan Majlis ini.

Tema MASM pada tahun ini iaitu “ Jangan Mencemar Sungai, Ia Nadi Kehidupan Kita” membawa mesej yang sangat penting kepada kita semua, iaitu supaya menghargai kepentingan sungai dalam kehidupan kita seharian. Penggunaan sungai memang sangat banyak, bermula dengan sungai sebagai sumber air minum kita serta keperluan domestik yang lain, sehinggalah kepada keperluan dalam aktiviti pertanian, perindustrian, rekreasi, perhubungan dan sebagainya. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kepada kita semua untuk berusaha menghalang sebarang bentuk dan kemungkinan pencemaran sungai, dan kegunaannya pula tidak terjejas.

Sebagai usaha untuk memantapkan lagi hasrat murni ini, kerajaan juga telah memperuntukkan sejumlah belanjawan yang besar bagi melaksanakan program-program pencegahan pencemaran sungai. Program ini antara lain bertujuan untuk memelihara dan memulihara sungai-sungai supaya persekitarannya sentiasa bersih, indah dan selesa untuk kegunaan manusia.

Akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran majlis ini. Semoga segala program yang telah diaturkan sempena sambutan ini akan mencapai objektifnya, disamping memberi manfaat sebaik-baiknya kepada semua pihak.

Terima kasih.



(HJH. ROSNANI BINTI IBARAHIM)
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia.

DRAF UCAPAN Y.BHG. DATO. KSU/KPAS

Yg. Berbahagia, Puan Hajah Rosnani Ibarahin, Ketua Pengarah Alam Sekitar

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada tuan-tuan dan puan-puan semua. Semoga kita akan berusaha dengan lebih gigih lagi untuk menghadapi cabaran Tahun 2004, seperti yang telah dilaksanakan pada tahun lepas. Saya bangga dengan pencapaian JAS bagi tahun 2003. JAS telah berjaya melaksanakan beberapa program dan aktiviti untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar, di samping menjalankan aktiviti penguatkuasaan. Saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua warga kerja JAS yang terlibat, samada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan 'The East Asian Seas Congress 2003'. Kongress tersebut merupakan respons pertama negara-negara rantau ini kepada komitmen WSSD yang telah dipersetujui pada tahun 2002. Ianya telah diadakan pada 8-12 Disember lalu, dan tidak akan dapat dianjurkan dengan jayanya tanpa kerjasama dan dedikasi tuan-tuan/puan-puan. Kongres telah dapat menarik seramai 420 orang peserta termasuk 92 orang dari Malaysia. Acara kemuncaknya ialah Forum Menteri-Menteri yang termasuk Majlis Menandatangani Deklarasi Putrajaya mengenai Pembangunan Mapan Laut Timur Asia. Deklarasi Ini akan menjadi satu panduan dan framework untuk pembangunan pantai dan laut pada masa akan datang tanpa menjejaskan ekosistemnya.

Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan pada hari ini merupakan satu penghargaan Jabatan kepada anggota JAS yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi untuk menjayakan kongres tersebut. Walaupun terdapat beberapa cabaran semasa menjalankan tugas, namun, saya diberitahu bahawa semuanya dapat diatasi dengan bijaksana dan baik tanpa berlaku sebarang peristiwa yang tidak diingini. Kejayaan juga telah membuktikan semangat setiakawan yang baik antara AJK Penganjur Tempatan dengan AJK Penganjur Antarabangsa (International Organising Committee), yang kebanyakannya terdiri daripada pegawai PEMSEA, sebagai sebuah agensi UN. Ia juga membuktikan sekiranya ada sikap dan fikiran yang positif, segala usaha dapat dijalankan dengan cemerlangnya.

Oleh itu, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan terus memberikan usaha yang terbaik dalam menjalankan setiap tugas yang dipertanggungjawabkan. Komitmen yang tinggi serta sikap jujur dan bertanggungjawab akan dapat menjamin kejayaan dan kemerlangan Jabatan khususnya dan negara amnya sejajar dengan slogan 'Malaysia Boleh'. Pihak pengurusan akan sentiasa menghargai segala usaha yang gigih, komited dan dedikasi dalam menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam menjayakan 'The East Asian Seas Congress 2003'. Terima Kasih.